

## 14-15 Mac 2023 | Kursus Pengendalian Unmanned Survey Vessel Dalam Pengukuran Hidrografi

Kursus Pengendalian USV dalam Pengukuran Hidrografi ini diadakan secara fizikal di INSTUN dan UIAM, Gombak. Kursus ini berlangsung selama 2 hari dan disertai seramai 11 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan iaitu Jabatan Laut Malaysia, JUPEM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, JKR Sarawak dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan.

Kursus ini melibatkan penceramah dalaman INSTUN iaitu Sr Zakaria bin Abdullah. Manakala penceramah jemputan dari Hidrokinetik Technologies iaitu En. Mirza Iryawan bin Hamza. Selain penerangan berkaitan dengan Unmanned Survey Vessel (USV), penerangan berkaitan Autonomous Underwater Vehicle (AUV) juga turut diberikan dalam kursus ini. Tujuan AUV ini adalah untuk pemetaan dasar laut di mana ia boleh mencapai kedalaman sehingga 300 meter. Kelebihan AUV ini, ia boleh digunakan di kawasan remote area.

Semoga kesemua peserta, mendapat manfaat dari kursus ini. Pihak urusetia juga ingin mengucapkan terima kasih kepada peserta kerana menyertai kursus di INSTUN dan memohon maaf jika terdapat sebarang salah dan silap dari pihak urusetia sepanjang kursus berlangsung.



